

## **MELAYU ISLAM**

**Chede.co.cc**

**January 05, 2012**

**By Tun Dr. Mahathir Mohamad**

1. Sepatutnya orang Melayu tidak bermasalah berkenaan agama mereka. Semua orang Melayu beragama Islam. Sejak sebelum merdeka lagi, dimasa penjajahan oleh British pun mereka semua beragama Islam. Jika mereka tidak beragama Islam maka mereka tidak diiktiraf sebagai orang Melayu. Apabila Malaysia merdeka, Perlembagaan negara menentukan bahawa walaupun mereka berbahasa Melayu dan beradat-istiadat Melayu, tetapi jika tidak beragama Islam, mereka bukan Melayu.

2. Perjanjian dengan British oleh Raja-Raja Melayu mengandungi larangan terhadap pendakwah Kristian mengkristiankan orang Melayu. Justeru itu tidak ada orang Melayu yang beragama Kristian dan hilang identiti sebagai Melayu.

3. Mungkin dari segi pengetahuan dan amalan, ramai orang Melayu tidak mencerminkan peribadi Islam sepenuhnya tetapi mereka tetap mempertahankan keislaman mereka. Bahkan mereka akan marah jika mana-mana pihak berkata mereka tidak Islam.

4. Orang Melayu juga tidak menghadapi masalah kelainan mazhab. Mereka semua adalah dari kumpulan Sunni atau Ahli Sunnah Wal Jamaah, berimam dengan Imam Shafie. Dengan itu tidak ada perbezaan fahaman agama yang boleh memecahbelahkan mereka. Perpecahan dan permusuhan seperti yang terdapat di antara Sunni dan Syiah tidak terdapat dikalangan orang Melayu. Sudah tentu tidak berlaku bunuh-membunuh kerana kelainan mazhab antara mereka seperti yang berlaku di Iraq, Pakistan dan beberapa negara Arab.

5. Sesungguhnya orang Melayu amatlah bahagia kerana menikmati Islam yang tidak berbeza-beza. Apabila seruan dibuat supaya orang Melayu bersatu untuk menentang Malayan Union, dengan mudahnya mereka menyahut seruan, mereka bersatu tanpa mengambilkira dari negeri mana mereka datang.

6. Tetapi sekarang orang Melayu Islam di Malaysia sudah berpecah dan bermusuhan-musuhan dengan teruknya sesama mereka. Agama yang satu, mazhab yang sama tidak terdaya menangkis serangan oleh ahli politik yang menciptakan syarat-syarat baru bagi agama Islam demi politik duniawi yang dikejar oleh mereka ini.

7. Oleh kerana syarat dan tafsiran-tafsiran ini tidak terdapat dalam Al-Quran atau hadith-hadith yang sahih atau dalam mana-mana kitab tulisan ulama-ulama silam yang muktabar, maka majoriti daripada orang Melayu Islam menolak syarat-syarat ciptaan mereka yang berkepentingan ini. Dengan itu berpecahlah orang Melayu Islam kepada dua

kumpulan yang saling bermusuhan antara satu sama lain.

8. Hasil dari perpecahan ini maka berlakulah sembahyang dua imam, larangan perkahwinan antara ahli dan penyokong parti yang tidak terima syarat-syarat ciptaan pemimpin parti dan perkuburan berasingan antara yang tidak terima dengan yang terima.

9. Yang lebih buruk lagi ialah ketaksuban pengikut kepada pemimpin ini sudah sampai kepada tahap menghalalkan apa sahaja yang dilakukan atau diperkatakan oleh pemimpin. Apabila pemimpin berkata orang Islam boleh mencarut, kerana Tuhan juga kononnya mencarut, tidak ada sesiapa daripada anak buah pemimpin yang membantah, atau menegur pemimpin berkenaan. Demikianlah apabila pengikut yang taksub dengan pemimpin mendakwa bahawa pemimpin mereka adalah sama dengan nabi, tidak ada pembetulan atau bantahan daripada pemimpin berkenaan dan penyokong-penyokongnya.

10. Agama Islam di Malaysia sudah banyak tercemar dan pegangan kepada ajarannya sudah menjadi luntur kerana Islam diperalatkan untuk kepentingan politik duniawi. Orang Melayu yang bahagia kerana bangsa mereka dikait secara langsung dengan agama Islam, sudah hilang nikmat yang datang dari ikatan ini. Hasilnya ialah perpecahan, kelemahan dan kehinaan. Hasilnya ialah mereka menjadi pengemis di negara sendiri, pengemis yang meminta-minta sokongan dari orang lain. Mereka yang mengemis tetap akan menjadi orang suruhan kepada yang membantu mereka.

## 74 Comments

1.  
Ibnu Sulaiman's Gravatar Ibnu Sulaiman  
January 27, 2012 at 10:31 am | Permalink

Assalamua'laikum wrt... Tun yang dihormati,

“Kita” merujuk kepada diri penulis, berbahagia Tun dan pembaca mesej ini.

1. Yang penting kita mencari jalan untuk mengenal Allah Tuhan yang satu dengan tidak mensyirikkan-Nya. Dengan mempelajari ilmu al-Quran dan Sunnah rasulNya. InsyaAllah, Allah akan tunjukkan golongan mana yang akan kita wajib sokong dan pilih. Kita akan berjuang kerana Allah tanpa perlu habuan dunia/kesenangan dunia semata-mata. Kerana nikmat yang paling agong nikmat mati syahid berjuang pada jalan Allah.

2. Tidak perlu tunggu berperang untuk mati syahid, sampaikan khalimah Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah sudah memadai. Dan ajak untuk mengikut Al-Quran dan Sunnah rasulNya kerana Allah SWT.

3. Teringat sejarah Nabi Muhammad SAW dalam perang Ahzab. Nabi bertempur dengan bangsanya sendiri di ketuai oleh bapa mertua nabi Abu Sufian. Anak menantu vs bapa mertua sama warna kulit, bahasa dan bangsa.

rgds  
Ibnu Sulaiman

Komen<sup>2</sup> Terdahulu:-

01. Jom Solat Fardu 5 Waktu Berjemaah
02. Ciri-ciri Asas Pemimpin
03. Yang Hidup Pasti Mati
04. Islam Menolak Fahaman Asabiah, Perkauman dan Kebangsaan
05. Bala Bencana!!! Apabila Hubungan Kita Dengan Allah SWT Tidak Dijaga
06. Adakah anda orangnya yang sanggup menghina Allah SWT dan Rasul-Nya?
07. Kata-kata Allah SWT dan Rasul-Nya paling tinggi makamnya
08. Apa Erti Sebuah keMERDEKAan?
09. Usahlah dibanggakan dgn Harta, Anak Pinak & Pangkat Kuasa
10. Kesan Buruk Sistem Kapitalis
11. Iklan Kekosongan Jawatan

2.

Ibnu Sulaiman's Gravatar  
Ibnu Sulaiman  
January 26, 2012 at 4:17 pm | Permalink

Assalamua'laikum wrt... Tun yang dihormati,

“Kita” merujuk kepada diri penulis, berbahagia Tun dan pembaca mesej ini.

1. Yang penting kita mencari jalan untuk mengenal Allah Tuhan yang satu dengan tidak mensyirikkan-Nya. Dengan mempelajari ilmu al-Quran dan Sunnah rasulNya. InsyaAllah, Allah akan tunjukkan golongan mana yang akan kita wajib sokong dan pilih. Kita akan berjuang kerana Allah tanpa perlu habuan dunia/kesenangan dunia semata-mata. Kerana nikmat yang paling agong nikmat mati syahid berjuang pada jalan Allah.

2. Tidak perlu tunggu berperang untuk mati syahid, sampaikan khalimah Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah sudah memadai. Dan ajak untuk mengikut Al-Quran dan Sunnah rasulNya.

3. Teringat sejarah Nabi Muhammad SAW dalam perang Ahzab. Nabi bertempur dengan bangsanya sendiri di ketuai oleh bapa mertua nabi Abu Sufian. Anak menantu vs bapa mertua sama warna kulit, bahasa dan bangsa.

rgds  
Ibnu Sulaiman

Komen<sup>2</sup> Terdahulu:-

01. Jom Solat Fardu 5 Waktu Berjemaah
02. Ciri-ciri Asas Pemimpin
03. Yang Hidup Pasti Mati
04. Islam Menolak Fahaman Asabiah, Perkauman dan Kebangsaan
05. Bala Bencana!!! Apabila Hubungan Kita Dengan Allah SWT Tidak Dijaga
06. Adakah anda orangnya yang sanggup menghina Allah SWT dan Rasul-Nya?
07. Kata-kata Allah SWT dan Rasul-Nya paling tinggi makamnya
08. Apa Erti Sebuah keMERDEKAan?
09. Usahlah dibanggakan dgn Harta, Anak Pinak & Pangkat Kuasa

10. Kesan Buruk Sistem Kapitalis
11. Iklan Kekosongan Jawatan

3.

Nikmat's Gravatar Nikmat  
January 25, 2012 at 11:32 pm | Permalink

Salam  
Tuan Guru Dr Mahathir Yg DiRahmati ALLAH swt.

1. Mohon izin untuk ucap tahniah kepada Orang Lama. Anta Orang Lama memang handal, fikiran bernas, bertanggung jawab untuk kesejahteraan orang ramai.

2. Bukannya seperti PAS, sekarang 'DAP Sudah Gantikan PAS' ..... PAS sudah terkubor, orang Melayu akan rosak Islamnya apabila bersama PAS

3. Semua Orang Melayu telah sedar perkara ini.

TGDrM ..Jazakallahu khairon kathira

4.

Orang Lama's Gravatar Orang Lama  
January 25, 2012 at 12:23 am | Permalink

Salam,

Banyak masalah Melayu dan Islam boleh diselesaikan sekiranya PAS dan UMNO dapat berbincang baik. Tetapi apakan daya PAS lebih mesra dengan kalangan golongan kafirun DAP daripada golongan Muslim UMNO.

Ketahuiilah wahai Lebai PAS , golongan kafirun DAP ramai yang mengamalkan perbuatan syirik!!! Pagi2 duk sembah tokong, gereja pula mengamalkan konsep trinity dan pelbagai2 lagi perbuatan syirik. Yang terang2 bersalahan pun hang pa simpan perasaan kasih sayang, nooooooooooooo.

Hang pa lagi pandai agama, belajar tinggi2 tak kan tak tau.

Hang pa suka tafsir agama ikut sedap rasa hang pa ke? Apa beza dengan pendita Yahudi?

5.

Nikmat's Gravatar Nikmat  
January 22, 2012 at 10:08 pm | Permalink

Salam  
Tuan Guru Dr Mahathir Yg DiRahmati Allah SWT

1. Orang yang tidak bersyukur dengan NIKMAT adalah yang tak faham apa itu kehadiran.

2. 'Kehadiran' bagi mereka ni... sebenarnya 'kebelakang' (reverse/songsang)

3. Kesian ..... salah belajar rupanya.

Ikut lagi ular dalam semak tu.

6.

wajaperak's Gravatar wajaperak  
January 21, 2012 at 6:46 pm | Permalink

Assallammualaikumwarahmatullahiwarokatuh..

Tun..Tun..

Saya begitu kecewa kerana Tun melepaskan komen orang yang mendakwa dirinya menuju ke hadapan..

hadapan mana?

Menuju neraka pun bergerak ke hadapan..

Tun..saya hanya ada satu sahaja pertanyaan kepada 'bogger' ini..

ISLAM ITU MILIK SIAPA??

Terima kasih Tun..

7.

Nikmat's Gravatar Nikmat

January 19, 2012 at 10:37 pm | Permalink

Salam

Tuan Guru Dr Mahathir Yg DiRahmati Allah SWT

1. Benar, Melayu tiada masalah dengan Agama Islam sehingga hidup sejahtera dalam negerinya sendiri di atas usaha oleh Melayu beragama Islam Sebenar.

2. Sehingga terdapat orang yang menyamar jadi Melayu untuk sejahtera.

3. Inilah NIKMAT yg dikurniakan Allah swt kepada penganut Islam sebenar.

4. Sebaliknya penganut Parti Islam membawa bala bencana kepada Melayu bangsanya yang N.ajis tidak mengaku.

Terima kasih TGDrM ..... Jazakallahu khairan kathira

8.

menujuhadapan's Gravatar menujuhadapan

January 19, 2012 at 4:44 pm | Permalink

Saudara Amin Tan,

Saya mengormati pandangan saudara. Saya ingin membahas hujahan saudara yang mengatakan bahawa

” tetapi islam mengatakan hanya islam sahaja yang betul dan patut dianuti.”

Samalah seperti pengikut agama Kristian yang akan mengatakan Kristian sahaja yang betul dan patut dianuti. Penganut Buddha, Hindu, dan lain-lain juga akan mengatakan agamanya yang betul dan patut dianuti. Mana yang betul? Saudara Amin tentu akan kata Islam betul. Saudara Ah Chong akan kata Buddha betul dan saudara Maniam akan Hindu yang betul atau Kristian yang betul. Silap-silap, bergaduh nanti. Kepala lembu dipijak, kepala babi melambung tinggi.

Yang penting ialah, biar manusia mempunyai pilihan. Kalau nak keluar Kristian, Buddha, Hindu atau agam Islam, biarkanlah. Jangan melenting. Jangan marah. Agama yang benar-benar betul tak perlu takut pengikutnya lari. Sepatutnya, banyak yang akan berpusu-pusu datang mengikutinya. Tetapi di Malaysia, yang dilahirkan Islam tiada peluang untuk menghayati agama lain. Agama lain dilabel sebagai sesat, sembah batu, sembah patung. Dilabel Kafir pulak itu. Saudara Amin Tan berpeluang untuk menghayati agama lain sebelum masuk Islam. Bagus, anda mempunyai pilihan. Bagaimana dengan mereka yang telah lahir sebagai Islam?

Negara Malaysia akan aman sekiranya, agama menjadi satu pilihan untuk rakyatnya.

9.

sudin's Gravatar sudin  
January 19, 2012 at 4:32 pm | Permalink

Salam Tun.

Saya ingin menyampaikan sedikit wardah untuk mereka yang berbangsa Melayu & beragama Islam dan telah disesatkan oleh politik kotoran pasangan suami-isteri yang tidak ada menunjukkan sebarang tanda2 perhentian.

“Wahai Wan Azizah,

“Tidakkah kamu mempunyai sedikit pun perasaan kesal dengan perbuatan paling terkutuk pernah dilakukan oleh seorang kaum perempuan yang dianggap “kaum yang lemah” diatas tindaktanduk kamu yang amat menjijikkan!

“Kamu mengetahui akan kedudukan diri sebagai:

1. Seorang presiden sebuah parti politik yang tak tahu tugas atau tidak menjalankan tugas, yang hanya berminat untuk membela suami tersayang supaya keluarga tidak menuju kemusnahan disebabkan gara2 & citarasa seks suami yang tak terkawal dan tiada batas!

2. Seorang presiden sebuah parti politik yang sanggup untuk tidak mempedulikan kepentingan bangsa Melayu akibat dibuai dengan kemewahan hasil rasuah si suami yang tiada tolok banding & berkoyan2, dimana kamu sendiri menyedari segala penyelewengannya.

3. Seorang presiden sebuah parti politik yang tersangat rela menjadi pendusta dan talibarut demi mengiakn setiap pembohongan dan perbuatan keji si suami sehingga kamu sanggup bersetongkol dengannya untuk ltidak mempedulikan bahawa Islam hanya bagaikan ugama untuk dipermainkan dan untuk kepentingan semata2.

Dimanakah kau campakkan segala pendidikan agama yang telah disemat kedalam jiwamu semenjak mula mengenali dunia?

4. Seorang presiden sebuah parti politik yang tidak teragak2 untuk merela serta memesonkan pemikiran rakyat supaya sesat agar mereka menjadi penyokong setia yang seterusnya juga menerima dosa kerana menabur fitnah demi kepentingan si suami tersayang.

5. Seorang presiden sebuah parti politik yang menyetujui setiap perbuatan si suami yang bersungguh2 untuk merosakkan & memporakperandakan negara tercinta hanya kerana si suami bercita2 ala Mat Jenin untuk menjadi ketua pemerintah, walaupun negara berkemungkinan dipandang bangsat oleh dunia luar.

“Walaupun kamu amat menyedari bahawa si suami tersayang TIDAK LAYAK untuk memimpin negara, namun kasih sayang kamu terhadap kebahagiaan & kesejahteraan anak2 mengatasi segala2nya.”

10.

amin tan's Gravatar amin tan  
January 18, 2012 at 3:07 am | Permalink

Salam Tun,

Izinkan saya menjawab hujah2 Tujuhadapan

Saudara Tujuhadapan,

Anda telah berhujah begitu hebat sekali, tetapi anda bimbang mendapat tentangan. Jangan bimbang, jangan kuatir, kita cuma tukar2 pendapat secara matang dan ikhlas dan percayalah kita akan perolehi manfaat dari polemik ini.

Anda berkata,

“Izinkan saya membalas komen saudara Zulkifli. Pendapat saya ini akan mendapat tentangan and saya berharap anda dan pengikut-pengikut blog chedet menerimanya sebagai pendapat dan bukannya sebagai cacian atau tomahan terhadap agama Islam atau agama-agama lain.

1. Tuhan itu wujud sekiranya kita percaya akannya. Selagi kita hidup, jawapannya tidak akan muncul akan kewujudannya. Walaupun apabila kita mati adakah kita akan bertemu dengan Tuhan? Sekiranya, umat manusia yang percaya Tuhan dan Yang Tidak percaya Tuhan tidak saling cuba mempengaruhi sesama sendiri, dunia akan kurang kecoh. Kepercayaan kepada Tuhan is “between you and god” and nobody else.

2. Agama ialah suatu medium/kepercayaan yang dicipta manusia bagi mengongkong manusia. Konkongan ini bagaikan undang-undang yang dibahas dan dienakmenkan di sesebuah negara. Manusia mencipta agama bagi memastikan tiada kekecohan. Tetapi, banyak agama yang dicipta di dunia ini. Yang mana satu yang diendoskan Tuhan? Hakikatnya, dunia kecoh sekarang kerana agama. Bunuh-membunuh sesama spesies Manusia juga kerana agama. Semua hendak menyakinkan diri sendiri bahawa agamanya adalah yang terunggul dan di”endos’kan Tuhan. Perang jihad kononnya untuk memelihara kesucian sesuatu agama sedangkan yang merana ialah bayi, budak-budak, kaum wanita dan mereka yang menginginkan keamanan.

3. Bangkitlah wahai manusia, sesungguhnya tiada satu agama yang unggul. Bayi yang baru dilahir diprogramkan sejak dilahir bahawa agamanya ialah Islam, Buddha, Hindu, Kristian dan lain-lain. Kita tiada pilihan. Kita belum memahami agama lain dan kita cuma syok sendiri bahawa agama sendiri adalah yang terunggul dan merupakan landasan yang benar.

4. Wahai umat manusia, biarkanlah agama menjadi pilihan sendiri. Tidak perlu mendakwah ke sana ke sini kerana sesungguhnya, manusia bijak untuk membuat pilihan terbaik untuk dirinya. Kalau nak tukar agama, biarkanlah kerana sesungguhnya tiada satu agama yang terunggul.

5. Pemikiran yang objektif dan menerima perbezaan umat manusia yang beragama lain serta tidak menghina agama yang lain merupakan landasan untuk kesejahteraan umat manusia.”

1. Anda telah pertikaikan wujud atau tidak wujudnya tuhan. Dalam islam, ia terjawab ‘wujud’. Tetapi tidaklah sebagaimana dalam bentuk dan wajah seperti manusia dan sebagainya. Dalam islam Allah diterangkan dengan sifat 20 terdapat dalam ayatul Kursi Surah Baqarah. Anda boleh google search tentang sifat2 yang lain seperti allah tiada sekutu(no equal), tidak tidur, tidak beranak dan tidak diberanakan dan sebagainya.

2. Anda mengatakan agama itu ciptaan manusia. Saya tambah sikit, ‘religion is the opium of the people’ katanya Karl Marx, orang yang melahirkan Komunisma. Agama dikatakan karut belaka. Oleh yang demikian, di bawah pemerintahan Communism, semua agama dihapuskan, dikatakan perkara karut.

Tetepi islam ialah agama Tauhid, agama wahyu bukan ciptaan manusia atau ciptaan Mohammad. Agama ciptaan manusia ialah agama yang dibawa oleh nabi palsu seperti Ayah Pin, Masailama pada zaman nabi dan sebagainya. Mohammad ialah pesuruh Allah. Nabi Mohammad cuma seorang Rasul diutuskan untuk menyampaikan wahyu Allah melalui malaikat Jibrail.

3. Anda berpendapat semua agama sama. Tetapi islam mengatakan hanya islam sahaja yang betul dan patut dianuti. Islam mengakui bahawa ada orang2 yang mempunyai kepercayaan dan menganuti agama atau kepercayaan yang lain dan tidak akan memeluk agama islam sampai bila2. Maka Surah Kafirun yang bermaksud 'katakan pada orang2 kafir. kami tidak percaya kepada agama mu dan kamu tidak percaya kepada agama ku. Agamaku dan agamamu masing2.'

Saya sependapat dengan Saudara Zulkiflee bahawa beza di antara syurga(jannah) dan jahanam(neraka) adalah sedikit sangat. Makanan disembelih secara islam dan bukan islam nya dengan sebutan nama Allah. Beza di antara kufur dan islam hanya 2 kalimah shahadah.

Nyata kepada saya, saudara belum membaca makna Al Quran dan menghayatinya. Cubalah saudara niat dengan ikhlas ingin hendak faham maksud Al Quran dan beli sebuah terjemahan dan penuh tekun dan ikhlas kajinya, inshaAllah, saudara akan perolehi Taufik dan Hidayah. Wallahu alam.

amin tan

11.

AdiY's Gravatar AdiY  
January 17, 2012 at 12:30 pm | Permalink

10. Agama Islam di Malaysia dah tercemar

- kan Allah dah kata, inilah akibatnya..  
dah diberi peluang oleh Allah jadi pemimpin, kenapa tak gunakan peluang tu untuk tegakkan hukum Allah 100%

- sebelum nak beri keadilan kepada manusia lain, cuba kita berikan hak yang paling adil, iaitu di mana kita letakkan hukum2 Allah ?

- di bawah tapak kaki kitakah ? di lutut kitakah ?

- ye benar, hukum perlembagaan dah bagus dah,,  
mengiktiraf Islam agama rasmi. tak benarkan agama lain didakwahkan pada orang Melayu

- itu sahaja dah mencukupikah ? sudahkah mampu letakkan hukum Allah di atas hukum2 lain selain Allah ? adakah hanya dengan itu, bermakna agama2 lain tidak di dakwahkan juga kepada Melayu ?

- ternyata telah SILAP sebab Tun sendiri dah nyatakan Agama Islam dah tercemar,

- cuba kita pandang sama2 di dunia luar kelompok Melayu,  
American Idol, X-Factor, British Got Talent, Americas Got Talent

dah sampai sini kan ?  
Akademi Fantasia, Mentor, Malaysian Idol, Idola Kecil

dan cepat2lah kembali.. sebelum Melayu hancur terus..

12.

zulkiflee's Gravatar zulkiflee  
January 17, 2012 at 8:58 am | Permalink

Assalamu'alaikum Tun,

mohon izin mengulas komen saudara “menujuhadapan”.gelar yg anda pakai sedap didengar dan bermakna positif namun komen negatif anda langsung tidak menuju-hadapan.malah lebih bermaksud kembali kpd pemikiran jahiliah zaman silam.

komen anda typical para ‘kafirian’ yg lain.1) menjadikan kewujudan Tuhan sebagai dogma atau sangka-sangkaan dan 2) menyama-ratakan Islam dgn agama-agama penyembah berhala.

untuk pengetahuan anda Agama adalah Fitrah semulajadi setiap manusia.ia tidak di cipta oleh sesiapa.Agama datang kpd 1) orang yg berfikir dan 2) orang yg membersihkan diri nya.

sama ada anda seorang yg beragama atau tidak,saya ada satu tip untuk kita berkongsi bersama ia itu jgn belajar Agama sebalik nya Selidik Agama secara CSI dan berlaku jujur lah dgn kewarasan anda.

Insyallah,pasti anda akan sampai kpd Kebenaran.sebab antara Kebenaran dgn Kebatilan,kalau mengikut laluan-luar-kulit,jarak nya setebal empat-jari yg menjauhkan antara Telinga dgn Mata.

produk (bukan tahi telinga atau tahi mata)dari telinga dan mata ini lah sebesar-besar fitnah yg memecah-belahkan Agama dan manusia.sebab yg kita dengar dan yg kita lihat seringkali bertentangan.

tapi kalau anda mahu gunakan shot-cut,jalan-dalam yg lebih dekat,antara telinga dgn mata,dibahagian dalam nya ada Otak yg boleh mengko-ordinasikan fungsi mata dgn telinga menjadi Ilmu-Pengetahuan yg sangat tepat Kebenaran nya.

saudara menujuhadapan,anda umpama wanita kampung yg tersesat dipusat membeli-belah,semua pakaian nya kelihatan cantik hingga tak tahu nak pilih yg mana satu.ada yg cantik,ada yg glamor,ada yg sederhana,ada yg membabi-buta dan ada juga yg betul-betul buta.

seandainya anda berhenti dari mempermain-mainkan akal anda sendiri maka memilih kebenaran tidak lah sukar.

dengar dan lihat dan berfikir lah...dan selidik lah Agama ala-CSI.

terimakasih Tun

13.

menujuhadapan's Gravatar menujuhadapan  
January 16, 2012 at 2:17 pm | Permalink

TDM,

Izinkan saya membalas komen saudara Zulkifli. Pendapat saya ini akan mendapat tentangan and saya berharap anda dan pengikut-pengikut blog chedet menerimanya sebagai pendapat dan bukannya sebagai cacian atau tomahan terhadap agama Islam atau agama-agama lain.

1. Tuhan itu wujud sekiranya kita percaya akannya. Selagi kita hidup, jawapannya tidak akan muncul akan kewujudannya. Walaupun apabila kita mati adakah kita akan bertemu dengan Tuhan? Sekiranya, umat manusia yang percaya Tuhan dan Yang Tidak percaya Tuhan tidak saling cuba mempengaruhi sesama sendiri, dunia akan kurang kecoh. Kepercayaan kepada Tuhan is “between you and god” and nobody else.

2. Agama ialah suatu medium/kepercayaan yang dicipta manusia bagi mengongkong manusia. Konkongan ini bagaikan undang-undang yang dibahas dan dienakmenkan di sesebuah negara. Manusia

mencipta agama bagi memastikan tiada kekecohan. Tetapi, banyak agama yang dicipta di dunia ini. Yang mana satu yang diendoskan Tuhan? Hakikatnya, dunia kecoh sekarang kerana agama. Bunuh-membunuh sesama spesis Manusia juga kerana agama. Semua hendak menyakinkan diri sendiri bahawa agamanya adalah yang terunggul dan di'endos'kan Tuhan. Perang jihad kononnya untuk memelihara kesucian sesuatu agama sedangkan yang merana ialah bayi, budak-budak, kaum wanita dan mereka yang menginginkan keamanan.

3. Bangkitlah wahai manusia, sesungguhnya tiada satu agama yang unggul. Bayi yang baru dilahir diprogramkan sejak dilahir bahawa agamanya ialah Islam, Buddha, Hindu, Kristian dan lain-lain. Kita tiada pilihan. Kita belum memahami agama lain dan kita cuma syok sendiri bahawa agama sendiri adalah yang terunggul dan merupakan landasan yang benar.

4. Wahai umat manusia, biarkanlah agama menjadi pilihan sendiri. Tidak perlu mendakwah ke sana ke sini kerana sesungguhnya, manusia bijak untuk membuat pilihan terbaik untuk dirinya. Kalau nak tukar agama, biarkanlah kerana sesungguhnya tiada satu agama yang terunggul.

5. Pemikiran yang objektif dan menerima perbezaan umat manusia yang beragama lain serta tidak menghina agama yang lain merupakan landasan untuk kesejahteraan umat manusia.

14.

Tuntuah's Gravatar Tuntuah  
January 15, 2012 at 12:59 pm | Permalink

alahai  
ape le kene dgn peliwat tegar ni.

terang terang dalam Al-Quran dah bagi tau. liwat tak boleh.

ader ke dier kater undang undang hubungan sejenis tak relevan. undang undang lapuk. aper undang undang ALLAH yang diwahyu ni dah lapuk? tak relevan? MASYAALLAH.

SO NIK AZIZ, HJ HADI, MAT SABU. TAKKAN MAU IKUT AJER.. BENDA TAK BETUL NI TOLONGLAH PERBETULKAN. BUANG PAS TU SEKEJAP. LAGI SATU PAS TAK DE KAT AKHIRAT NANTI.

kepada pengikut peliwat tegar ni.. pikirla masa depan isteri dan anak anak. kamu nak masuk neraka suka kamulah. jangan ajak anak dan isteri kamu... kerana kamu mereka merana... tak betul tu...

kesian kesian... nak lawan HUKUM ALLAH PULAK SI PELIWAT TEGAR NI..  
tau la menang haritu... tapi tolonglah jangan lawan hukum ALLAH pulak.

PATUTLAH PELIWAT DIHUKUM REJAM sebab dah lah sesat lagi mau menyesatkan.....

15.

Nikmat's Gravatar Nikmat  
January 15, 2012 at 10:41 am | Permalink

Salam  
Tuan Guru Dr Mahathir Yg DiRahmati ALLAH SWT

1. USAHA yang ikhlas sehingga rakyat mendapat NIKMAT..... itulah yang AMAT PENTING daripada :

a. Point yang memesongkan 'aqidah' kerana membawa orang menghina Allah.

- b. Point yang merugikan dan menjahanamkan bangsa
- c. Point yang seperti kata peribahasa “Kera di hutan disusukan, anak di rumah kelaparan”

2. Takbir kita..... Allahu Akbar!!! adalah takbir bertaqwa yang benar, bukan takbir sentimen seperti ajaran orang N.ajis

3. Jom Takbir ..... Allahu Akbar!!

16.

langkahbaru's Gravatar langkahbaru  
January 13, 2012 at 12:19 pm | Permalink

Salam

tun dan rakan-rakan,

Islam itu indah dan benar.  
Islam itu menyatukan hati dan pemikiran yang berbeza.  
Islam itu suci dan bersih.

Namun pada hari ini  
Kita terlalu asyik mencari perbezaan antara kita.  
Kita terlalu asyik mencari keburukan antara kita.  
Kita terlalu asyik mencari kesalahan antara kita.

Bukankan kita juga mempunyai pilihan lain?  
Kita sepatutnya bersatu kerana kita banyak persamaan dibandingkan perbezaan.  
Kita sepatutnya membetulkan kesalahan mahupun kekurangan saudara kita bukannya membuatkan ia menjadi lebih buruk.

Bukankah islam itu menyuruh umatnya berlaku baik sesama saudara islam yang lain?

Untuk bersatu jalannya ialah Islam.  
Perjuangan kita masih jauh dan sememangnya banyak halangan yang menanti.  
Jangan takut atau gementar.  
Selagi kita bersatu kita tidak akan tewas.

Sekadar pandangan.  
Terima kasih

17.

sitinur's Gravatar sitinur  
January 12, 2012 at 9:54 am | Permalink

Asalamualaikum....  
susah jujuk klo taksub keterlalu dgn pemimpin politik.....

18.

Farihan Han's Gravatar Farihan Han  
January 12, 2012 at 5:44 am | Permalink

LIKE No.10

19.

tasanamialus's Gravatar tasanamialus  
January 12, 2012 at 2:12 am | Permalink

Dr Mahathir yang ku kagumi.....

Tanggal 16 Julai 1981,  
Pada hari inilah  
Malaysia mendapat Perdana Menteri baru  
yang dikenali sebagai Datok Seri Dr Mahathir bin Mohamad...  
Anak bongsu Mohd Iskandar yang meninggal 1950  
dan ibunya pula Wan Tempawan pada 1966  
Usiaku baru mencecah 7 tahun  
Baru Belajar di Sekolah Rendah  
Namun amat ku suka menatap potretnya  
yang terpampang dalam bilik dan pejabat sekolah...  
Aku tidak mengerti apa itu politik  
Namun aku dididik oleh guru agar menyayangi pemimpin  
kerana pemimpin manusia berjasa..  
Aku tidak pernah bertemu tokoh ini  
hinggalah satu masa di luar negara  
ketika aku bergelar Graduan di Universiti  
Dr Mahathir bersama isteri melawat Arab Saudi  
dan menjemput pelajar Malaysia ke konsul Malaysia di bandar Jeddah  
Aku benar-benar teruja  
dan amat gembira  
bertemu pemimpin dan tokoh kesayanganku..  
Namun amat meluat  
melihat gelagat pelajar yang membenci beliau  
berebut-rebut bersalam dan mengambil gambar...  
Itulah hipokrit...  
Dr Mahathir amat bertenaga  
Walaupun menjadi Perdana Menteri ketika usianya sudah melewati 56 tahun...  
Tekun siang dan malam  
bekerja untuk memajukan negara  
Ketika ramai mencebik  
mencemuh dan memperlekehkan beliau  
Beliau terus giat siang dan malam  
Tanpa mengira penat atau jemu  
Tanpa peduli apa kata manusia.....  
Proton Saga lahir  
Jambatan Pulau Pinang terpacak  
merentasi lautan luas  
dan terkenal pelusuk dunia...  
Satu demi Satu  
Pelbagai kejayaan  
ditempa dan tercatat  
di dada akhbar dan kaca tv  
atas usaha seorang manusia  
bernama Mahathir...  
Pedulikan Mat Sabu  
Nyahkan Lim Kit Siang  
Mereka hanya tahu mengherdik dan membenci  
Tidak pernah berterima kasih

penat lelah manusia bernama Mahathir....

Namun aku

bijak menggunakan akal

menghargai Dr Mahathir

yang banyak berjasa

Dr Mahathir adalah permata

buat negaraku tercinta Malaysia

1000 tahun lagi mungkin tiada lagi

manusia kental dan gagah berani

memperjuangkan bangsa dan agama..

sekuat dan segagah beliau...

Dr Mahathir pemimpin berjiwa rakyat

Membangunkan ekonomi negara

kerana sedar kemiskinan adalah musuh

yang merendahkan rakyat..

Malaysia yang dahulunya terbiar

Negara besar yang terperosok

Namun akhirnya Terkenal pelusuk dunia

kerna kebijaksanaan manusia bernama Mahathir

Aku bersyukur

Membesar di zaman beliau

Melihat negara membangun dan maju...

Aku bersyukur

kerana merasai nikmat menjadi salah seorang rakyat Malaysia

di zaman pemerintahan seorang Perdana Menteri bernama Mahathir...

Jika aku lahir 200 tahun lampau

atau 200 tahun akan datang

Mungkin aku tidak kenal

siapakah Dr Mahathir...

Namun 31 Oktober 2003

adalah tarikh amat syahdu

seorang negarawan dan tokoh akhirnya bersara...

meninggalkan kerusi PM buat selamanya....

Ketika ditanya wartawan 30 hari sebelum persaraan,

Beliau menjawab

“Well, I think I should record some of my experiences as it may become useful for other people to learn from all the mistakes I have made. “

Itulah janji beliau

Akhirnya pada 9 Mac 2011

Lahirlah A DOCTOR IN THE HOUSE

Setelah 8 tahun ditulis

dengan gigih dan tekun.....

Ketika menghantar isteri tersayang di KLIA

Melancong luar negara dua minggu

sebagai hadiah perkahwinan keenam

aku membeli tanpa ragu

RM100.00 tunai...

Dan sedang menghayati bait-bait kalimah beliau....

“For Hasmah and My Children, for their Love, Support, Tolerance and Courage”

Itulah bait yang menyentuh perasaan

dari manusia bernama Mahathir..

Aku akan tetap mendoakan  
agar beliau sihat sejahtera  
dan sentiasa kaya idea membangunkan negara  
walaupun hanya bergelar penasihat....  
Idea beliau melangkaui tahun dan abad  
Wawasan 2020 bukan untuk tahun 2020  
namun untuk masa depan negara hinggalah kiamat  
Aku masih tidak lupa  
Nasihatnya di Yayasan Bukhary  
akan terus terngiang di minda  
dan menjadi azimat menjadi usahawan...  
Terima kasih Dr Mahathir  
Aku tidak mampu memberi wang berjuta  
Membina Mahligai seindah Taj Mahal buatmu...  
Hanya doa buatmu  
agar bahagia dunia dan akhirat....  
Aku berusaha siang dan malam  
menulis tanpa jemu  
"PERIBADI DR MAHATHIR YANG WAJAR DITELADANI"  
Dan kini telah siap  
Menunggu masa untuk diterbitkan.....  
Aku menulis buku ini  
sebagai penghargaan buatmu...  
Agar ramai manusia  
mengikuti teladanmu.....  
Buatmu Tun Dr Mahathir  
Engkaulah role-model buatku dan zuriatku  
Serta keturunanku  
Hinggalah kiamat.....

SAAT SULAIMAN  
MELAKA BANYAK SEJARAH  
<http://www.saatcham.com>

20.

Nikmat's Gravatar Nikmat  
January 11, 2012 at 11:06 pm | Permalink

Assalamu'alaikum wr wb  
Tuan Guru Dr Mahathir Yg DiRahmati Allah SWT.

1. Orang Melayu yang ber iman dan seluruh rakyat Msia yang ber maruah, terlalu amat bersyukur di atas NIKMAT yang dikecapi hasil perjuangan penganut Agama Islam sebenar.

2. Terima kasih TGDrM .....Allah bersama orang yang benar.

Takbir yang betul !! ..... Allahu Akbar!

21.

thetruth's Gravatar thetruth  
January 11, 2012 at 7:27 am | Permalink

salam..

Islam ialah agama Allah. Tiada siapa berhak menghukum bagi pihak TUHAN. TUHAN telah berjanji bahawa dia akan memelihara satu-satunya Kitab SuciNYA yang telah diwahyukan kepada Nabi Muhammad, Al-Quran yang mana tidak memerlukan nas atau perawi untuk mengatakan bahawa ayatnya sah atau tidak. Al-Quran seratus peratus sah dan jelas (surah 26:2).

Hanya AL-Quran mampu menyatukan seluruh umat manusia..kerana ia adalah hanyalah satu dari TUHAN YANG MAHA ESA, tiada sekutu bagiNYA.

Wallahualam.

22.

amin tan's Gravatar amin tan  
January 11, 2012 at 12:36 am | Permalink

Salam Tun,

izinkan saya berhujah dengan saudara Nikmat,

Saudara Nikmat berkata

“2. Ramai lagi orang Melayu dalam PAS yang akan keluar PAS kerana mahu berada dalam Agama Islam sebenar.

3. Agama Islam sebenar itulah pegangan orang Melayu yang bukan dari PAS.”

Apa yang dimaksudkan oleh agama islam yang sebenar dan apakah agama islam PAS?

Saya dapati komen saudara tiada point langsung. Membaca komen saudara macam juga pentadbiran kerajaan PAS di Kelantan, tiada kemajuan langsung. Memalukan nama islam. Kerajaan islam yang diperintah oleh PAS mundur. Pergilah negeri Kelantan, jalan raya sempit, kereta buruk, rumah daif, rakyat miskin tetapi tidak mengaku mereka mundur. Masing2 cakap besar dan bangga dengan islam. Ditanya kenapa jalan raya sempit, itu tanggungjawab federal. Sudah tentu kerajaan pusat tidak akan bantu negeri yang diperintah oleh pembangkang. Kalau orang2 Kelantan inginkan kemajuan pilihlah kerajaan BN yang mempunyai kemampuan dan dana untuk membina pasarana jalanraya yang luas, kereta api laju berkembar, smart tunnel untuk mengatasi banjir tahunan. Di samping itu nak amalkan islam teruskan saja. Kerajaan PAS hanya pandai berpolitik tetapi kebajikan material seperti pasarana air bersih, jalanraya, taraf pendapatan rakyat diabaikan. Kesian orang Kelantan diperdayakan oleh ulamak politik yang hanya boleh petik ayat2 suci Al Quran untuk berhujah, seronok didengar tetapi tidak ada kebolehan dan keupayaan membangunkan negeri sendiri yang tercinta. Islam umno atau pas sama saja. Cuma pemimpin2 umno lebih dinamis, berkelulusan dan berpendidikan lebih tinggi. Contohnya, Datuk Seri Najib kelulusan ekonomi dari Noringham University di England dan Datuk Seri Mustapa Mohammad kelulusan Ekonomi Kelas satu dari University Melbourne, Australia dengan biasiswa Colombo. Datuk Nik Aziz berkelulusan Universiti di Pakistan dan Mesir.

amin tan

23.

amin tan's Gravatar amin tan  
January 10, 2012 at 8:52 pm | Permalink

Salam Tun,

Izinkan saya berbicara dengan Saudara Zulkiflee

Saudara Zulkiflee berhujah,

“saudara Amin Tan,saya ragui Cina-Muslim seperti anda boleh memainkan peranan sebagai jambatan rasional dalam hubungan antara kaum,sekurang-kurangnya buat masa sekarang.sebab kaum cina tidak lagi memandang anda sebagai orang cina atau menganggap anda se-cina mereka.bagi mereka Islam telah menghapuskan kecinaan anda.

orang cina hanya akan memandang tinggi kpd anda sekaligus Agama Islam ialah bila anda atau anak-keturunan anda mampu menjawat kedudukan penting.iaitu kedudukan penting yg belum pernah dicapai mana-mana orang cina di Negara ini.dimasa itulah nanti pemikiran rasional dapat menggantikan sikap perkauman orang cina terhadap Bangsa Melayu,Insya-Allah.””

Benar kata2 saudara. Rasulullah berdakwah secara senyap di Mekah selama 13 tahun sebelum berhijrah ke Madinah sebab hendak lari dari kaum Quraish Mushrikin di Mekah yang di antara mereka ialah waris nabi yang hendak membunuh Rasulullah. Yang paling jahat di kalangan Quraish ialah Abu Lahab, bapa saudara nabi sendiri dan juga besang nabi. Bapa saudara nabi seorang lagi, Abu Talib, bapa kepada Saidina Ali juga tidak memeluk agama islam walaupun nabi amat sayangkan beliau. Berdasar kepada sinario ini, hujah saudara Zulkiflee amat tepat sekali.

Saya cuma melakukan tanggungjawab saya sebagai seorang islam untuk menerangkan agama Allah yang suci ini. Tugas kita hanya berdakwah, Allah yang memberi hidayah. Wallahu alam.

amin tan

24.

eanisazman's Gravatar eanisazman  
January 10, 2012 at 11:36 am | Permalink

Salam Tun dan Semua,

Bila bercakap pasal Islam ini maka keluarlah persoalan samada seseorang itu ulama, ustaz dan sebagainya. Sesiapa yang tidak digolong dalam gelaran ‘alim’ maka seseorang itu akan dinafikan samasekali.

Yang peliknya, Malaysia ini mempunyai terlalu ramai ulama, ustaz, pendakwah bebas dan sebagainya. Sepatutnya, ini akan menjadikan umat Islam lebih bersatu, bertakwa dan maju. Umat bukan Islam mungkin akan mendapat contoh yang jauh lebih baik dan mungkin akan berbondong-bondong masuk Islam. Tapi adakah ini yang sedang berlaku?

Bahkan umat Islam di Malaysia sedang berpecah belah, umat-umat Islam ramai yang mengerjakan maksiat samada secara tersembunyi atau terang-terangan. Ramai yang mengaku ‘alim’ dan menggelarkan orang lain sebagai kafir tapi perangnya membuatkan orang benci dan takut kepada Islam. Di manakah silapnya?

Mereka ini berperanan sebagai ahli-ahli politik tetapi tidak mengaku mereka adalah salah seorang ahli politik. Ada dua parti ini digelar mereka sebagai wali Allah, anugerah Tuhan, Imam Mahadi, dan sebagainya. Lidah mereka bercabang-cabang, menghukum kepunyaan Allah sesuka hati mereka bagi pihak Allah seolah-olah pangkat mereka dah naik menjadi Tuhan. Mereka akan menentukan sesiapa yang masuk neraka atau tidak berdasarkan undi mereka semata-mata.

Mengapakah tidak berpolitik seperti orang lain. Mengapakah perlu muncul sebagai ‘orang istimewa’ padahal bermain politik untuk mendapatkan kuasa? Apakah Rasulullah lebih mementingkan kuasa pemerintahan berbanding dengan tersebarinya hidayah? Apabila usaha dituntut untuk berkhidmat mengembangkan hidayah dan membantu golongan yang susah maka usaha ini terletak dibahu kerajaan. Apakah dengan tiadanya undi seorang Muslim tidak boleh boleh berjihad?

Bukankah lebih baik mendamaikan dua pihak yang bertelagah. Sampailah masa umat Islam di Malaysia bersatu-padu. Saya amati tidaklah sebahagian dari mereka ini pun warak sangat. Sejujurnya, saya ada ramai teman yang berpolitik agama tapi perangainya tak berbeza langsung dari saya dan purata penduduk Malaysia yang lainnya.

Jikalau kita ini alim dan orang lain itu kafir, maka bimbinglah hati mereka supaya cintakan Allah, makmurkanlah Masjid kerana Allah, lupakan hal politik didalamnya dan agungkanlah Allah, satukan hati-hati ini kepada Allah. Janganlah sebab terlalu angkuh anda memecah belahkan umat Islam.

Bersatulah.....

25.

Nikmat's Gravatar Nikmat  
January 9, 2012 at 10:43 pm | Permalink

Assalamu'alaikum wr wb.  
Tuan Guru Dr Mahathir Yg DiRahmati Allah SWT.

1. YB Dato Dr Hassan Ali ialah orang Melayu, bila dia berada dalam PAS baru dia nampak PAS itu Parti Islam bukan Agama Islam ..... sebab itu dia keluar PAS.

2. Ramai lagi orang Melayu dalam PAS yang akan keluar PAS kerana mahu berada dalam Agama Islam sebenar.

3. Agama Islam sebenar itulah pegangan orang Melayu yang bukan dari PAS.

4. InsyaAllah Melayu PAS akan ramai keluar tinggalkan PAS ..... syabas, tahniah kerana sudah nampak cahaya sebenar di luar PAS.

Alhamdulillah.

Terima kasih TGDrMahathir.

26.

ROZALI BIN AYED's Gravatar ROZALI BIN AYED  
January 9, 2012 at 5:05 pm | Permalink

Salam Y.Bhg Tun,

Amat mendukacitakan umat Melayu Islam di Malaysia sudah terbahagi kepada dua kumpulan besar disebabkan pengaruh politik kepartian yang membawa kepada perpecahan. Pas tidak mengiktiraf pembawaan UMNO mengenai Islam, dan lantaran itu memusuhi UMNO dan penyokongnya. Pas berpendirian bahawa parti mereka sahaja yang benar-benar Islam tulin. Apa ertinya apabila kepimpinan Pas mengeluarkan kenyataan bahawa UMNO menolak Islam, dan kenyataan sedemikian digunakan sebagai senjata politik untuk mempengaruhi umat Melayu Islam menyokong perjuangan parti mereka. Bukankah apabila dikatakan menolak Islam, bererti UMNO itu tidak Islamik sebenarnya. Maka atas sebab itu Pas tidak akan bersatu dengan UMNO. Kelakarnya pula boleh bersatu dalam satu wadah perjuangan politik dengan DAP yang jelas menentang Islam.

